



SUARA

BANDARAYA

OKTOBER 1991 ISSN 0128 - 1194

TIMBALAN PERDANA MENTERI MELAWAT PROJEK PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN



Tuan Hj. Abdul Ghani Mohd Rais sedang menyampaikan taklimat kepada Timbalan Perdana Menteri.

DBKL membelanjakan sejumlah \$ 31 juta untuk membina sebanyak 2,120 unit rumah panjang bagi penempatan semula penduduk setinggan yang terlibat dengan projek landasan keretapi Kuala Lumpur - Rawang dan Kuala Lumpur Kelang. Ia membabitkan pembinaan sebanyak 1,250 unit rumah panjang di Kerinchi Pantai dengan kos \$18,663,000 dan pembinaan sebanyak 870 unit rumah panjang di Jinjang Utara dengan kos \$14 juta.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghaffar Baba yang dalam rangka lawatan ke Projek Pembangunan Infrastruktur Lembah Kelang telah melakukan lawatan singkat ke Kerinchi Pantai baru-baru ini untuk meninjau sendiri projek pembinaan 1,250 unit rumah panjang penempatan

semula penduduk setinggan yang terlibat dengan projek landasan keretapi itu.

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah II, Tuan Hj. Abd. Ghani Mohd Rais dan pegawai-pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam taklimatnya kepada Timbalan Perdana Menteri, Tuan Hj. Abd. Ghani memaklumkan bahawa kerja-kerja pembinaan rumah panjang di Kerinchi Pantai yang bermula pada 15 Julai 1990 sudah 90 peratus siap. Setakat ini, sebanyak 808 unit kediaman di bawah Fasa 1, 2 dan 3 dan sebahagian yang di bawah Fasa 4 telah disiapkan.

Menurut beliau, kawasan rumah panjang itu dilengkapi dengan berbagai kemudahan seperti surau yang boleh memuatkan 400 orang,

dewan masyarakat yang lengkap dengan tempat perpustakaan dan taman didikan kanak-kanak (TADIKAN), 24 unit rumah kedai dua tingkat, satu kawasan pasar terbuka yang boleh memuatkan 20 ruang gerai basah, enam kawasan penjaja, empat kawasan permainan kanak-kanak dan kawasan padang permainan yang menyediakan tiga gelanggang badminton dan takraw.

Tuan Hj. Abd. Ghani juga menerangkan bahawa pemindahan penduduk setinggan ke tempat itu akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dari kawasan sempadan Selangor/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur membawa ke kawasan bandar.

Sementara itu, kerja-kerja pembinaan rumah panjang di Jinjang Utara yang bermula pada 15 Oktober 1991 sudah 40 peratus siap.



Deretan rumah panjang di Kerinchi Pantai.

KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA ■ OKTOBER 1991

■ TPM MELAWAT PROJEK PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN	1
■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN	2
■ DARI MEJA DATUK BANDAR	3
■ KONDOMINIUM \$45.54 JUTA SIAP TAHUN 1995	4
■ KUALA LUMPUR BANDARAYA CONTOH ■ PADANG GOLF BOLEH DITEBUS GUNA	5
■ LORI MENGOTOR JALAN RAYA 944 NOTIS DIKELUARKAN ■ PUSAT BIMBINGAN BERKONSEPKAN ASRAMA	6
■ 560 PENJAGA KERETA DI PENJARA ■ 145 PENGEMIS DAN KUTURAYAU DIBERKAS	7
■ PERUNTUKAN \$ 1.19 JUTA UNTUK SKUAD PENYELAMAT	8
■ WARGAKOTA MEMBAYAR KOMPAUN \$1 JUTA	9
■ SISTEM KEDIAMAN UNTUK KEDIAMAN BELIAWANIS	10
■ DATARAN MERDEKA JUGA TEMPAT AKTIVITI KEDIAMAN ■ YUSUF ISLAM DI DATARAN MERDEKA	11
■ APARTMEN \$211.6 JUTA SIAP TAHUN 1996	12
■ LAGU TIRAI HIJRAH MENANG \$3,000 ■ CITARASA MALAYSIA JUARA PERTANDINGAN LAGU	13
■ PERAYAAN HARI KEBANGSAAN KE-34	14/15
■ \$5 JUTA UNTUK PINJAMAN PELAJARAN ■ DATUK BANDAR KESAL KOPERASI GAGAL SIAP BANGUNAN	16
■ PENGUSAHA HOTEL PERLU ASINGKAN MAKAN TIDAK HALAL	17
■ MKJR KUALA LUMPUR PUPUK KESEDARAN PENJALAN KAKI ■ TKP 1 JANGAN BERPUTUS ASA	18
■ KESEDARAN BEBERAPA PENDEKATAN PSIKOLOGI UNTUK KEHIDUPAN	19
■ CIRIT BIRIT DI KALANGAN KANAK-KANAK	20
■ BALU PEKERJA TERIMA PAMPASAN INSURANS ■ ZULKIFLI SERBA BOLEH	21
■ KURSUS BIMBINGAN PELAJAR WARGAKOTA 1991 ■ SEMINAR CADD	22
■ PUSAT KHIDMATAN KUTIP \$10,000 SEHARI	23
■ JUALAN LELONG PASIHAN \$154,239 ■ PASUKAN BRASSBAND & KOMBO DIREKTORAT BERBAKTI ■ SAMBIL MENHIDUP	24
■ 60 ORANG KAKITANGAN HADIR KURSUS PERKAHWINAN ■ KUMPULAN KEMBARA MEDIK MEMUPUK SEMANGAT KERJASAMA ■ DAN SETIAKAWAN	25
■ KAKITANGAN DBKL MENDERMA ■ WAKAF TERIMAKASIH	26
■ TAMAN BURUNG JADI TUMPUAN ORANG RAMAI	27
■ GOLE PIALA SULTAN SELANGOR	28

PENASIHAT

Izman B. Hj. Ismail

EDITOR

Zarina Ahmad Osman

PENOLONG EDITOR

Mohamed Hashim Hj. Mohd Ali
Francine Louis

JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rani Mohd. Sohor

PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada

EDITOR

SUARA BANDARAYA
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 5,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 2916011
Sambungan 147/432/122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

DESIGN & LAYOUT

Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.

Dari Meja

From the Desk of

DATUK BANDAR



Kuala Lumpur sedang maju membangun setanding dengan bandar-bandar lain di Barat. Dengan itu, Dewan Bandaraya telah merancang bagi memenuhi segala pertambahan keperluan penduduknya yang dijangka akan mencapai tahap 3.5 hingga 5 juta orang menjelang tahun 2020 nanti.

Untuk itu, sistem pengangkutan awam di Kuala Lumpur perlu ditingkatkan. Satu sistem pengangkutan awam yang moden telah dirancang untuk mengurangkan masalah lalulintas yang sekaligus akan dapat mengatasi masalah kesesakan di bandaraya ini.

Bagi membolehkan pelaksanaan aliran lalulintas yang selesa dan pembangunan secara menyeluruh di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya akan mengagihkan pertumbuhan kawasan-kawasan kediaman, komersial dan industri kepada beberapa kawasan penting. Ia bertujuan mewujudkan konsep "bandar dalam bandar" di Kuala Lumpur. Contohnya, Kampung Baru di mana rancangan pembangunannya telahpun bermula. Menjelang tahun 2020, Kampung Baru akan menjadi sebuah kawasan komersial dan kediaman yang dibangunkan sepenuhnya. Tempat-tempat seperti Jinjang, Kepong dan Salak South akan dibangunkan semula untuk dijadikan kawasan komersial, kediaman dan industrial dari pekan kecil yang ada sekarang.

Dengan adanya bandar-bandar kecil seperti itu, pengurusannya akan menjadi lebih senang dan cekap berserta dapat pula mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik.

Kuala Lumpur tentunya bukan sahaja akan menjadi sebuah Bandaraya Taman tetapi juga sebuah Bandaraya Moden.

Kuala Lumpur is becoming as advanced as any other Western city. With this in mind, City Hall has started and planned to accommodate the increasing needs of the people. With the growing population, which is estimated to reach 3.5 to 5 million people by the year 2020, Kuala Lumpur's public transport system needs to be upgraded to cater for the easy movement of its people. A modern system has been planned to ease the traffic flow in Kuala Lumpur, making traffic jams a thing of the past.

To enable continued easy flow of traffic and development on the whole in Kuala Lumpur, City Hall has decided to decentralise residential, commercial and industrial areas. This is to create "a city within a city" concept in Kuala Lumpur. By then, the people in these areas need not go into the city for anything because everything will be available in their "mini-cities".

One good example is Kampung Baru where development has already started. Kampung Baru by the year 2020 will be a fully developed commercial and residential area. Places like Jinjang, Kepong and Salak South will be redeveloped into commercial, residential and industrial areas from the small townships they are now today.

With these various mini-cities within the boundaries of a city like Kuala Lumpur, management will be more easier and efficient, and facilities provided will be far more better.

Kuala Lumpur will not only be a Garden City but also a Modern City.

City Hall has spent \$31 million in building 2,120 units of long houses to resettle the squatters that were affected by the Kuala Lumpur - Bawang and Kuala Lumpur - Kelang railway tracks project.

This involved the construction of 1,250 units of long houses in Kerinchi Pantai costing \$18,630,000 and another 870 units in Jinjang Utara costing \$14 million.

Deputy Prime Minister Encik Ghaffar Baba, on a visit to the Klang Valley Development Infrastructure Project, made a short stop at Kerinchi Pantai recently to see for himself the construction of 1,200 units of long houses for the resettled squatters who were effected by the railway tracks project.

Upon his arrival, he was received by the Deputy Director - General II, Tuan Hj. Abd Ghani Mohd Rais and senior officers from City Hall.

DEPUTY PRIME MINISTER

VISIT SQUATTERS

RESETTLEMENT PROJECTS

In his briefing to the Deputy Prime Minister, Tuan Hj. Abd. Ghani said that construction works for the long houses in Kerinchi Pantai started on 15th of July 1990 and is 90% complete to date. For the present, about 808 units under phase 1,2,3, and part of phase 4 have been completed.

According to him, the long houses will be fully equipped with facilities, such as, a "surau" which can hold 400 people, a community hall equipped with a library and nursery cum kindergarten (TADIKA). There will also be 24 units of

2 storey shophouses, an area for an open market that can accommodate 20 wet stalls, 6 hawker areas, 4 children playgrounds and a field complete with 3 badminton and takraw courts.

Tuan Hj. Abd. Ghani also explained that the resettlement of the squatters will be carried out stage by stage, starting with the Selangor/Federal Territory Kuala Lumpur border right to the town area.

In the meantime, constructions works for the long houses in Jinjang Utara which began on the 15th of October 1990 is 40% complete.